

BH PILIH 4C 7 (emel)

BH PILIH 5C 7 (emel)

96 keluarga miskin terima bantuan

Program 'MyKasih Love My Neighbourhood'

KORPORAT & KOMUNITI

Oleh Nurul Farina Nazlan

nfarina@bharian.com.my

BATU CAVES: Sejumlah 96 keluarga kurang berkemampuan sekitar Gombak dan Kelana Jaya menerima sumbangan bernilai RM100,000 daripada Selia Group sempena program 'MyKasih Love My Neighbourhood' anjuran Yayasan MyKasih.

Sumbangan itu yang disalurkan selama setahun itu membolehkan penerima sumbangan membeli barang makanan di pasar raya Giant di sini, yang mana peruntukan RM40 akan dimasukkan ke dalam Mykad ibu isi rumah penerima.

Pengerusi Selia Senggara, Tan Sri Subhan Jasmon, berkata pihaknya berbesar hati diberi kesempatan untuk sama terbabit dalam program kemasyarakatan berkenaan,

sekali gus berkongsi pencapaian dan pendapat syarikat itu kepada golongan yang memerlukan.

"Selia Group juga bersetuju dengan kaedah pemberian sumbangan yang diusahakan oleh yayasan ini kerana penerima dapat menikmati pemberian itu dengan cepat dan secara langsung setiap dua minggu.

"Hal itu membolehkan penerima menikmati hasil sumbangan mengikut keperluan yang diinginkan mereka. Proses birokrasi membabitkan kos dan masa juga dapat dielakkan melalui kaedah sistematik yang digunakan Yayasan MyKasih,"

“Kami berbesar hati diberi kesempatan untuk sama terbabit dalam program kemasyarakatan”

Subhan Jasmon
Pengerusi Selia Senggara

katanya pada sidang media selepas majlis perasmian program itu, di sini, semalam.

Program itu dirasmikan Pengarah Yayasan MyKasih, Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria dan turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan MyKasih, Jeffrey Perera dan Pengurus Komunikasi Korporat GCH Retailm (Malaysia) Sdn Bhd, Zamri Maulan.

Subhan berkata, Selia Group turut memberikan biasiswa sejumlah RM3 juta kepada pelajar berkelayakan dan kurang berkemampuan untuk melanjutkan pengajian di Kolej Universiti Sains dan Teknologi City milik syarikat berkenaan.

"Basiswa itu membolehkan pelajar terbabit melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang yang ditawarkan di kolej universiti berkenaan. Pelbagai peringkat pengajian boleh dipilih sama ada diploma, sarjana muda, sarjana atau doktor falsafah (PhD).



SUBHAN (empat dari kiri) dan Dr Rebecca Fatima (dua dari kiri) meninjau penerima sumbangan membeli barangan menggunakan MyKad selepas perasmian program 'Love My Neighbourhood' di Giant Batu Caves.